




## KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

### GARIS PANDUAN PENGELASAN PREMIS PENGINAPAN PELANCONG BAGI KATEGORI HOTEL PULAU/PANTAI/TASIK/SUNGAI

Premis penginapan pelancong haruslah memenuhi syarat-syarat wajib seperti dibawah untuk melayakkan dikelaskan sebagai Hotel Pulau/Pantai/Tasik/Sungai iaitu:

1. Premis wajib berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.
2. Premis menawarkan lebih daripada sepuluh (10) bilik atau lebih daripada lima puluh (50) buah katil, mengikut mana-mana yang terpakai. (rujuk Akta Industri Pelancongan 1992)
3. Premis wajib mempunyai Lesen Perniagaan / Lesen Operasi Hotel atau penginapan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) .
4. Premis wajib mempunyai :
  - i. Sijil Perakuan BOMBA sekiranya telah beroperasi lebih dari setahun .
  - ii. Memadai mempunyai *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) sekiranya premis beroperasi kurang satu tahun.
  - iii. Premis yang mempunyai struktur langkan terbuka atau atau bilik kurang dari 21 bilik tidak perlu mengemukakan Sijil Perakuan BOMBA.
5. Premis hendaklah menjadi ahli mana-mana persatuan yang diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia iaitu *Malaysian Association of Hotels* (MAH), *Malaysian Association of Hotel Owners* (MAHO) atau *Malaysia Budget Hotel Association* (MyBHA).
6. Semua kakitangan pengendali makanan hendaklah memperolehi Sijil Pengendali Makanan dan Suntikan *Anti Thyphoid*.
7. Pihak premis perlu menyediakan *Grease Trap*. (Bagi premis yang mempunyai F&B)
8. Pihak premis perlu menyediakan *Generator Set* mengikut keperluan perundangan sedia ada.
9. Premis wajib dikelaskan sebagai Hotel Pulau/Pantai/Tasik/Sungai sekiranya berada di pulau terpencil. (Selain Pulau Langkawi, Pulau Pinang dan Labuan)



10. Premis sekurang-kurangnya wajib menyediakan satu (1) bilik penginapan dan tandas awam di kawasan umum untuk Orang Kurang Upaya (OKU) (rujuk Akta OKU 2008) tetapi tertakluk kepada kewujudan atau kemunculan apa-apa keadaan yang boleh membahayakan keselamatan orang kurang upaya. Sekiranya hotel tidak dapat menyediakan kemudahan OKU, perlu mendapatkan pengecualian dari pihak berkaitan.
11. *Outsource* bagi perkhidmatan yang disediakan di hotel perlu dinilai sekiranya perkongsian kemudahan tersebut berada di kawasan yang berhampiran/munasabah. Dokumen sokongan (kontrak secara bertulis) perlu disertakan dan markah hanya diberi sekiranya panel penilai dibenarkan membuat penilaian terhadap kemudahan tersebut.
12. Sekiranya premis tidak dapat menyediakan kemudahan disebabkan oleh Arahan/Peraturan/Undang-undang yang berkuatkuasa premis perlu melampirkan surat dari pihak berkaitan.

## PENGECUALIAN

1. Premis boleh memohon untuk dikelaskan sebagai Hotel Bandar walaupun berada berhampiran pantai.
2. Mana-mana premis yang tidak dikategorikan sebagai Hotel Pulau/Pantai/Tasik/Sungai dan Hotel Tanah Tinggi boleh dikategorikan sebagai Hotel Bandar.

